



SIARAN MEDIA

DAMANSARA HOLDINGS RAIH LANJUTAN KONTRAK BERNILAI RM67 JUTA DI RAPID Pengerang

KUALA LUMPUR, 5 Januari 2021 - Damansara Holdings Berhad (DBhd) atau yang dahulunya dikenali sebagai Damansara Realty Berhad (DBhd) telah memperoleh kontrak lanjutan bagi pengurusan kemudahan bersepadu (IFM) daripada PETRONAS Refinery and Petrochemical Corporation Sdn Bhd (PRPC) dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM67 Juta.

Menurut DBhd, lanjutan kontrak itu melibatkan perkhidmatan IFM dan pengurusan infrastruktur bagi Penempatan Sementara RAPID (RTEV) serta Pejabat Pengurusan Sementara RAPID (RTMO).

Kontrak lanjutan tersebut dianugerahkan kepada anak syarikat Kumpulan DBhd iaitu TMR LC Services Sdn Bhd (TMRLC) yang akan menyediakan perkhidmatan pengurusan kemudahan bersepadu di The Hive untuk operasi dan penyelenggaraan (O&M), bangunan dan infrastruktur serta penginapan dan kafeteria.

"Kami amat berbesar hati dan berterima kasih atas kepercayaan dengan penganugerahan lanjutan kontrak yang telah diberikan. Ini merupakan satu testimoni yang menunjukkan rekod cemerlang perkhidmatan kami sejak empat tahun yang lepas." kata Azman bin Haji Tambi Chik, Pengarah Urusan Kumpulan DBhd.

Di samping kontrak lanjutan tersebut, PRPC juga telah menganugerahkan TMRLC skop tambahan perkhidmatan O&M untuk pusat pelawat dan bangunan bukan proses, di RAPID termasuklah peruntukan bekalan pejabat dan pantri.

"Kami akan terus komited untuk menjadi salah satu penyedia pengurusan aset dan fasiliti yang terbaik di Malaysia. Dengan adanya tiga segmen perniagaan di bawah satu bumbung iaitu Pengurusan Kemudahan Bersepadu, Pembangunan Hartanah dan Perundingan Pengurusan Projek, DBhd sememangnya mampu memberikan perkhidmatan terbaik untuk semua pelanggan kami," tambah Azman.

+++

Mengenai Damansara Holdings Berhad

Damansara Holdings Berhad (DBhd) atau sebelum ini dikenali sebagai Damansara Realty Berhad merupakan sebuah syarikat pegangan pelaburan yang ditubuhkan pada tahun 1960 dan disenaraikan di papan utama Bursa Malaysia pada tahun 1973. Tiga segmen perniagaan utama DBhd adalah Pembangunan Hartanah (PLD), Pengurusan Kemudahan Bersepadu (IFM) dan Perundingan Pengurusan Projek (PMC). DBhd juga mempunyai anak syarikat yang berpangkalan di Singapura dan

Filipina. Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang www.dbhd.com.my atau e-mail corporateinfo@dbhd.com.my.